

25/11/2001

Kerajaan belanja besar bantu rakyat celik komputer

PUTRAJAYA: Kerajaan membelanjakan banyak wang untuk membolehkan rakyat negara ini celik komputer serta berkemampuan menggunakan perkhidmatan berasaskan teknologi maklumat (ICT), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, berbanding negara kaya, mereka lebih berkemampuan untuk menghasilkan perisian, sekali gus mudah memperluaskan penggunaan komputer dan internet kepada rakyatnya.

"Apabila kita membangunkan Koridor Raya Multimedia (MSC), apa yang kita pelajari ialah kita memerlukan banyak wang kerana untuk menghasilkan perisian adalah amat mahal.

"Mengajar orang ramai adalah mudah, tapi tanpa perisian kita sukar mengajar mereka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Asiaspace dot com, sebuah syarikat yang diberi lesen menyediakan akses kepada 'Worldspace System' di Malaysia, di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Penerangan, Tan Sri Yaakob; Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie dan Pengerusi AsiaSpace Dot Com Sdn Bhd, Abdul Ghani Abdullah.

Katanya, Malaysia sedang mencuba bersaing dengan negara kaya dan yakin dapat berbuat demikian dengan wujudnya sokongan semua pihak, terutama menjayakan projek MSC.

Beliau berkata, semakin ramai orang yang mempunyai kemahiran menggunakan komputer dan Internet, lebih berkualiti perkhidmatan itu dapat diberikan kepada semua penggunaanya.

"Kita dapati pihak swasta juga menyedari semakin ramai masyarakat yang cerdik komputer, ia baik bagi mereka mendapatkan sumber manusia yang berpengetahuan dalam bidang ICT.

"Jadi, banyak syarikat hari ini memberi percuma komputer kepada orang ramai dan mereka juga memberi subsidi kos membeli komputer," katanya.

Katanya, masyarakat Malaysia yang gagal bersaing dengan kepantasan teknologi pastinya akan jauh tercicir.

Terdahulu, Perdana Menteri melahirkan keyakinannya perkhidmatan radio satelit melalui perkhidmatan 'Worldspace System' sebagai satu lagi kemudahan teknologi maklumat kepada pengguna di negara ini.

"Inilah satu lagi contoh teknologi baru yang membantu mengembangkan industri penyiaran. Saya masih teringat ketika radio mula dicipta dulu, siarannya tidaklah begitu baik.

"Tapi, hari ini jauh berbeza kerana perkhidmatan radio dan alat komunikasi amat jelas didengar walaupun kita berada beratus kilometer jauh," katanya.

Perdana Menteri berkata, kalangan ahli perniagaan tentunya mampu memperoleh manfaat dengan adanya perkhidmatan radio satelit kerana maklumat mengenai pasaran saham dan kegiatan ekonomi dunia boleh diikuti sepanjang masa.

"Malaysia amat gembira dengan adanya kemudahan siaran seperti ini dan tentunya ini akan membantu meningkatkan pertumbuhan perniagaan secara keseluruhannya," katanya.

Beliau turut meminta usahawan tempatan merebut peluang untuk mengeluarkan peralatan berkaitan dengan penyiaran radio digital berkenaan.

Sementara itu, Ghani dalam ucapannya pula berkata, pengguna radio satelit WorldSpace di negara kini mampu mengikuti 24 siaran seluruh dunia, termasuk CNN, Bloomberg dan BBC.

Beliau berkata, WorldSpace mempunyai tiga satelit dengan dua satelit sudah dilancarkan untuk memancarkan siaran di benua Afrika, termasuk Asia Barat, Asia Tengah, Eropah dan Asia.

Satelit ketiga, iaitu AmeriStar dijadual dilancarkan sebelum akhir tahun ini dengan keupayaan memberi perkhidmatan kepada lebih 4.5 bilion pendengar.

(END)